

30 NOV 2002

Muhyiddin-Umno

PENANGGUHAN ELAK JEJAS PERSIAPAN PILIHAN RAYA, KATA MUHYIDDIN

PETALING JAYA, 30 Nov (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan keputusan penangguhan pemilihan Majlis Tertinggi (MT) parti sebagai suatu yang wajar memandangkan banyak urusan berkaitan pilihan raya umum sedang dijalankan oleh parti.

"Saya fikir ia wajar kerana banyak urusan yang berkaitan dengan persiapan pilihan raya sedang dilaksanakan di peringkat Barisan Nasional (BN) dan parti Umno seperti contoh menyemak daftar pengundi, mengemaskinikan daftar pengundi dan membantu SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) untuk memperbetulkan 2.8 juta (pengundi) yang dikatakan tidak didaftar di kawasan sepatutnya," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Pasar Jalan Othman di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai keputusan MT yang menangguh pemilihan yang sepatutnya diadakan pada Jun 2003 ke satu tarikh lain bagi membolehkan anggota parti bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum ke-11.

Muhyiddin berkata dengan penangguhan itu juga anggota-anggota parti boleh menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha-usaha pengukuhan parti.

"Jika diadakan pemilihan, tidak akan dapat dielakkan akan berlaku perkara-perkara yang kadang-kadang melanggar semangat perlembagaan terutamanya di kawasan-kawasan yang sengit," katanya.

Beliau berkata berdasarkan pengalaman-pengalaman lalu, dalam suasana sedemikian akan timbul perasaan tidak puas hati dan seterusnya menjejaskan peluang parti untuk memperolehi kemenangan mutlak.

Perdana Menteri dan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penangguhan itu selepas mempengerusikan mesyuarat MT semalam.

Menurut perlembagaan Umno, MT berhak menangguhkan tarikh pemilihan selama 18 bulan.

-- BERNAMA

NM AZZ MOZ